



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN
GARIS PANDUAN PERANCANGAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2024

6 OGOS 2024

MENARA DBKL 1
JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Garis Panduan Perancangan Kuala Lumpur 2024. Majlis pada hari ini menandakan satu langkah penting ke arah pembangunan ibu kota yang lebih mampan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa depan.

2. Kuala Lumpur sedang melalui proses transformasi yang pesat dan pembangunan yang seiring dengan kemajuan teknologi dan ekonomi. Menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan pembangunannya memenuhi keperluan semasa di samping memelihara kesejahteraan bandar ini.

3. Dengan perancangan yang teliti dan menyeluruh, kita dapat memastikan pembangunan dilaksanakan dengan mampan dan seimbang sekaligus memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat serta mengatasi cabaran-cabaran mendatang.

4. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada DBKL atas usaha mereka dalam menyediakan 10 Garis Panduan Perancangan DBKL yang merangkumi Garis Panduan berkaitan:
 - i. Perancangan Residensi MADANI;
 - ii. Kemudahan Ruang Penjaja MADANI;
 - iii. Pelaksanaan Perancangan dan Pembangunan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik;
 - iv. Panduan Semakan Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur;

- v. Perancangan Pengemukaan Permohonan dan Pematuhan Kehendak Pemasangan Struktur Papan Iklan Luar;
- vi. Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan;
- vii. Perancangan Bagi Keperluan Tempat Letak Kenderaan;
- viii. Perancangan Kawalan Ketinggian Kediaman Bertanah;
- ix. Panduan Kediaman Berbentuk Dual Key; dan
- x. Perancangan Strategi Komunikasi.

5. Usaha ini menunjukkan komitmen DBKL untuk menghadapi isu-isu yang sering kali dihadapi oleh bandar-bandar besar di seluruh dunia.

SIGNIFIKAN PELANCARAN 10 GARIS PANDUAN

Para hadirin sekalian,

6. Garis Panduan ini bukan sekadar dokumen semata-mata, tetapi ia adalah bukti nyata bahawa DBKL sedang menganjak ke arah pengurusan bandar yang lebih berdaya saing dan inovatif dalam memastikan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur menjadi lebih lestari dan selaras dengan keperluan masa kini.

7. Kesemua 10 Garis Panduan ini juga adalah untuk memastikan amalan tata kelola yang baik diamalkan di DBKL. Dengan adanya panduan yang jelas dan telus seperti ini, setiap langkah perancangan dan pelaksanaan pembangunan akan dapat dipantau dengan lebih efektif, selain menilai tahap keberkesanan sesuatu polisi dan strategi yang dilaksanakan serta mempromosikan penambahbaikan yang berterusan.

8. Tata kelola yang baik bermaksud kita mengamalkan prinsip-prinsip keterbukaan, akauntabiliti dan integriti dalam setiap keputusan yang dibuat. Perkara ini penting dalam memastikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap DBKL terus terpelihara.

9. Sehubungan itu, saya dimaklumkan bahawa kesemua Garis Panduan ini akan dipaparkan secara *public* di laman web DBKL untuk rujukan semua pihak.

10. Saya turut difahamkan, setiap Garis Panduan tersebut adalah hasil daripada kajian terperinci dan konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dengan pendekatan yang inklusif seperti ini, saya berharap agar garis panduan ini akan memberi impak positif kepada setiap warga kota.

PERNYATAAN MASALAH BERKAITAN POPULASI KUALA LUMPUR

Para hadirin sekalian,

11. Kuala Lumpur kini menampung populasi yang dianggarkan melebihi 8.8 juta orang, dengan peningkatan tahunan sebanyak 2.25% berbanding tahun lalu. Menjelang tahun 2030, populasi ini dijangka akan terus bertambah mencecah 9.8 juta. Pertumbuhan yang pesat ini menuntut Kerajaan, khususnya melalui DBKL, perlu untuk menjadi lebih proaktif dalam perancangan dan penyediaan infrastruktur.

12. Pertumbuhan populasi ini bukan sahaja melibatkan peningkatan semula jadi dalam kawasan bandar, malah juga migrasi masuk yang tinggi dari luar bandar.
13. Ini memberikan satu tekanan kepada infrastruktur sedia ada dan menuntut supaya kita menyediakan satu perkhidmatan asas yang lebih baik buat semua warga kota agar Kuala Lumpur ini menjadi sebuah bandar yang berdaya huni.
14. Tidak dilupakan juga, isu-isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hijau turut menjadi antara kebimbangan utama yang perlu diatasi.

KEPERLUAN PENGURUSAN BANDAR YANG CEKAP BAGI MENGATASI PERNYATAAN MASALAH YANG DIBANGKITKAN

Para hadirin sekalian,

15. Dalam menghadapi semua cabaran ini, DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan perlu terus peka dengan keperluan dan kehendak semasa pembangunan di Kuala Lumpur. Pengurusan bandar yang cekap dan berkesan amat diperlukan untuk memastikan kehidupan yang berkualiti untuk semua.

16. Setiap keputusan pembangunan perlu dibuat dengan pertimbangan yang wajar untuk memastikan keseimbangan di antara pembangunan dan kesejahteraan warga kota.

17. Dalam usaha ini, saya difahamkan, DBKL telahpun melaksanakan pelbagai inisiatif yang lebih proaktif seperti penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050. Langkah ini menunjukkan komitmen DBKL terhadap masa depan Kuala Lumpur yang lebih hijau dan mampan.

18. Saya turut difahamkan bahawa DBKL telah menghasilkan satu Panduan Teknikal Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur hasil kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa iaitu *C40 Cities Climate Leadership Group*. Ini juga secara tidak langsung menunjukkan usaha kita untuk mencapai pembangunan yang lebih lestari. Tahniah!

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

19. Saya berharap dengan adanya Garis Panduan ini, DBKL dapat dipandu dengan lebih telus dan teliti serta dapat memastikan kehidupan yang lebih baik untuk generasi kini dan akan datang.

20. Saya menyeru semua pihak termasuk pihak agensi Kerajaan, pemaju, pemegang-pemegang taruh dan orang awam, untuk memberikan kerjasama yang erat dan komitmen yang baik dalam memastikan Garis Panduan ini dimanfaatkan sepenuhnya. Insya-Allah, bersama-sama kita boleh memastikan Kuala Lumpur terus berkembang sebagai sebuah bandar yang mampan dan berdaya huni.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan 10 Garis Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2024.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.